



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN VERIFIKASI REKA BENTUK LIF, ESKALATOR DAN
LALUAN GERAK**

2025

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	3
2.0 PUNCA KUASA	3
3.0 TAFSIRAN	4
4.0 SKOP PEMAKAIAN	4
5.0 SYARAT – SYARAT PERMOHONAN	4
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	5
7.0 DOKUMEN	5
7.1 KATEGORI PERMOHONAN: LIF PENUMPANG, LIF PENUMPANG DAN BARANG – BARU DAN PEMBAHARUAN	6
7.1.1 Lukisan Reka Bentuk	6
7.1.2 Pengiraan Reka Bentuk	6
7.1.3 Sijil dan Laporan Ujian Komponen Keselamatan Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa	7
7.1.4 Sijil dan Laporan Ujian Sistem Lif Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa	7
7.1.5 Sijil Dan Laporan Tali Dawai Penggantung Utama Dan Pengawal Imbang	8
7.1.6 Lain-Lain Dokumen	8
7.2 KATEGORI PERMOHONAN: ESKALATOR DAN LALUAN GERAK - BARU DAN PEMBAHARUAN	9
7.2.1 Lukisan Reka Bentuk	9
7.2.2 Pengiraan Reka Bentuk	9
7.2.3 Sijil Dan Laporan Ujian Komponen Eskalator Dan Laluan Gerak	9
7.2.4 Sijil Dan Laporan Ujian Sistem Eskalator Dan Laluan Gerak Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa.	10
7.2.5 Lain-Lain Dokumen	10
7.3 KATEGORI PERMOHONAN: KEMASKINI VERIFIKASI REKA BENTUK LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK	11
7.3.1 Lukisan Reka Bentuk	11
7.3.2 Perubahan Perincian Jadual Spesifikasi (Scope of Application/Main Characteristic)	12
7.3.3 Ralat Pada Sijil Dan Laporan Ujian Sistem Lif Atau Eskalator Dan Laluan Gerak Seperti Nama Pembuat, Alamat, Perincian Jadual Spesifikasi Dan Sebagainya	12
7.3.4 Penukaran/Penggantian Komponen Keselamatan Yang Telah Ditamatkan Pembuatannya	12
8.0 PEMAKLUMAN	13
9.0 FI	13
10.0 PIAGAM PELANGGAN	13

1.0 PENDAHULUAN

Setiap jentera mengangkat yang menggunakan pacuan kuasa (*power driven*) seperti elektrik, diesel, pneumatik dan setara dengannya perlu memiliki Perakuan Kelayakan Jentera Mengangkat (CF) yang sah untuk digunakan. Untuk tujuan tersebut, verifikasi reka bentuk perlu dipohon terlebih dahulu daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ibu pejabat sebelum dibina, dipasang atau digunakan.

Panduan permohonan verifikasi reka bentuk lif, eskalator dan laluan gerak ini adalah untuk memastikan setiap model lif, eskalator dan laluan gerak yang akan dipasang memperoleh kelulusan verifikasi reka bentuk terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kebenaran memasang. Ini bagi memastikan, pemasangan model loji tersebut adalah mengikut spesifikasi yang telah diluluskan oleh Jabatan berdasarkan edisi terkini standard yang diiktiraf. Matlamat utama platform verifikasi reka bentuk ini adalah untuk menilai dan memastikan pematuhan setiap loji terhadap peruntukan perundangan yang berkaitan, sekaligus menjamin kesihatan dan keselamatan pengguna.

Panduan ini disediakan selaras dengan perkembangan semasa untuk rujukan pemohon semasa membuat permohonan Verifikasi Reka Bentuk Lif, Eskalator dan Laluan Gerak. Ini bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas untuk mengemukakan permohonan yang berkualiti dan ketetapan semasa Jabatan. **Sebarang permohonan yang tidak memenuhi syarat – syarat permohonan seperti yang dinyatakan dalam panduan ini akan ditolak.**

2.0 PUNCA KUASA

Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 diperuntukkan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, Seksyen 27B iaitu Menteri boleh menetapkan mana-mana loji yang baginya suatu perakuan kelayakan dikehendaki. Peraturan ini **mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2024**. Di bawah Peraturan ini, jentera mengangkat adalah antara loji yang ditetapkan sebagai loji yang menghendaki perakuan kelayakan.

3.0 TAFSIRAN

- i. “jentera mengangkat” ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkut atau menurunkan beban
- ii. “laluhan gerak” ertinya suatu jentera mengangkat untuk mengangkut orang yang permukaan pembawa pengguna itu kekal selari dengan setiap arah gerakan dan tidak terganggu
- iii. “lif” ertinya suatu jentera mengangkat dengan pemacu tarikan, positif atau hidraulik, yang berfungsi pada aras tertentu dan mempunyai pembawa yang bergerak di sepanjang panduan yang tegar dan condong pada sudut lebih daripada 15 darjah ke arah mengufuk, atau di sepanjang laluan tetap walaupun ia tidak bergerak di sepanjang panduan tegar, bagi maksud mengangkut orang sahaja, atau orang dan barang tetapi ia tidak termasuk lif dengan kelajuan terkadar kurang daripada 0.15 meter per saat

4.0 SKOP PEMAKAIAN

Permohonan verifikasi reka bentuk Lif, Eskalator Dan Laluan Gerak ini adalah terpakai untuk:

- i. Model lif, eskalator dan laluan gerak yang tiada verifikasi reka bentuk.
- ii. Pembaharuan kelulusan verifikasi reka bentuk yang telah tamat tempoh sah kelulusan;
- iii. Mengemaskini kelulusan verifikasi reka bentuk yang masih dalam tempoh sah kelulusan;

5.0 SYARAT – SYARAT PERMOHONAN

Setiap permohonan dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti dibawah:

- i. Syarat Permohonan hanya boleh dimohon oleh Orang Kompeten (syarikat).
- ii. Orang Yang Berkelayakan Lif bertanggungjawab menyemak dan memastikan permohonan yang dikemukakan mematuhi sepenuhnya ketetapan panduan ini,

Peraturan – Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan standard yang diiktiraf.

- iii. Setiap permohonan verifikasi reka bentuk loji yang dikemukakan adalah terhadap kepada satu model sahaja. Sekiranya sijil dan laporan ujian sistem mengandungi lebih daripada satu model, permohonan bagi setiap model dikemukakan secara berasingan;
- iv. Sekiranya sijil dan laporan ujian sistem mengandungi lebih daripada satu jenis loji (sebagai contoh: Lif Penumpang/Lif Penumpang Dan Barang), permohonan bagi setiap jenis loji dikemukakan secara berasingan;
- v. Permohonan akan ditolak sekiranya dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah sukar dibaca / sukar disemak / tidak jelas / menggunakan Bahasa selain daripada Bahasa Melayu / Inggeris (terjemahan daripada institut terjemahan adalah diterima pakai).
- vi. Maklumat yang diisi melalui sistem dalam talian (MySKUD) perlu sepadan seperti yang dinyatakan pada dokumen-dokumen yang dilampirkan.
- vii. Dokumen-dokumen yang dikemukakan diimbas dari dokumen asal atau dokumen salinan asal tanpa sebarang suntingan.
- viii. Nombor rujukan permohonan yang terdahulu diisi dalam sistem (e-borang) bagi jenis permohonan pembaharuan dan kemaskini.
- ix. Bayaran disertakan bersama semasa permohonan dibuat.
- x. Sebarang perubahan syarat bergantung kepada keputusan pihak pengurusan atasan.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

Sila rujuk Panduan Permohonan Verifikasi Rekabentuk Lif, Eskalator dan Laluan Gerak di dalam sistem MySKUD.

7.0 DOKUMEN

Setiap permohonan yang dikemukakan disertakan dengan surat rasmi yang dimuatnaik pada folder 'Lain-lain Dokumen' serta mengandungi perkara- perkara berikut:

- i. Kepala surat yang mengandungi nama dan alamat Orang Kompeten (Syarikat);
- ii. Nombor rujukan surat dan tarikh;
- iii. Tajuk/perkara surat yang menyatakan dengan jelas jenis permohonan (baru/pembaharuan/kemaskini), kategori, jenama dan model

7.1 KATEGORI PERMOHONAN: LIF PENUMPANG, LIF PENUMPANG DAN BARANG – BARU DAN PEMBAHARUAN

Senarai Dokumen

Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut:

7.1.1 Lukisan Reka Bentuk

7.1.1.1 Lukisan reka bentuk (*standard/generic/master*) yang telah disahkan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa **atau** lukisan reka bentuk daripada pihak pengilang bagi model yang dipohon;

7.1.1.2 Menyatakan dengan jelas model, standard yang diiktiraf dan maklumat pihak pengilang lif;

7.1.1.3 Meliputi kesemua skop bagi model yang ingin dipohon seperti yang dinyatakan dalam Sijil Ujian Sistem Lif.

7.1.2 Pengiraan Reka Bentuk

7.1.2.1 Dokumen mengandungi pengiraan lengkap (*Model Design Calculation / Product Model Design Calculation Book* atau lain-lain) berdasarkan edisi terkini standard yang diiktiraf.

7.1.2.2 Pengiraan reka bentuk loji yang mengandungi pengiraan lengkap sekurang-kurangnya seperti senarai di **(Lampiran 1)**.

7.1.3 Sijil dan Laporan Ujian Komponen Keselamatan Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa

7.1.3.1 Sijil Komponen Keselamatan seperti yang disenaraikan pada Sijil dan Laporan Ujian Sistem sahaja.

7.1.3.2 Laporan Ujian komponen keselamatan yang perlu dikemukakan adalah seperti yang disenaraikan pada Sijil Ujian Sistem atau yang setara.

7.1.4 Sijil dan Laporan Ujian Sistem Lif Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa

7.1.4.1 Sijil dan laporan ujian sistem lif yang dikemukakan ditentusahkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa seperti yang disenaraikan dalam **Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024**;

7.1.4.2 Senarai kriteria yang terkandung dalam sijil dan laporan ujian sistem lif adalah sekurang-kurangnya seperti di **(Lampiran 2)**.

7.1.4.3 Sekiranya sijil dan laporan ujian sistem lif tidak lengkap seperti maklumat pada **(Lampiran 2)**, pemohon mengemukakan sijil ujian sistem lif daripada Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa dan laporan seperti (Lampiran 2) yang dikeluarkan oleh Pengilang dan disahkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa.

Nota:

- i. Pengesahan Laporan seperti **(Lampiran 2)** oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa boleh dikemukakan dalam bentuk surat rasmi / deklarasi / emel rasmi.

7.1.5 Sijil Dan Laporan Tali Dawai Penggantung Utama Dan Pengawal Imbang

7.1.5.1 Sijil dan laporan tali dawai seperti CSB, Ultra Rope dan seumpamanya yang ditentusahkan oleh badan pemeriksaan yang diberi kuasa dan dinyatakan dalam sijil ujian sistem lif (contoh: nombor sijil ujian, sijil ujian daripada badan pemeriksaan yang diberi kuasa, sekiranya ada); atau

7.1.5.2 Sijil dan laporan pengilang (makmal/ pusat pengujian yang diiktiraf) tali dawai yang menyatakan diameter, pembinaan, minimum breaking load, tensile strength, standard yang diiktiraf dan pelbagai spesifikasi teknikal tali yang berkaitan, berdasarkan kepada standard yang diiktiraf; **atau**

7.1.5.3 Sijil pengilang tali dawai dan laporan tali dawai yang menyatakan diameter, pembinaan, minimum breaking load, tensile strength, standard yang diiktiraf dan pelbagai spesifikasi teknikal tali yang berkaitan, berdasarkan kepada standard yang diiktiraf.

Nota: Laporan tali dawai dikeluarkan oleh makmal/pusat pengujian yang diiktiraf oleh:

(i) Jabatan Standard Malaysia di bawah MIBAS; atau

(ii) Makmal/ Pusat Pengujian diiktiraf oleh Badan Pengiktiraf yang mana adalah sebahagian daripada MRA dan dilaksanakan oleh ILAC & APAC

7.1.6 Lain-Lain Dokumen

7.1.6.1 Surat permohonan seperti yang dinyatakan pada perkara 7 panduan ini; dan

7.1.6.2 Lain-lain dokumen yang berkaitan.

7.2 KATEGORI PERMOHONAN: ESKALATOR DAN LALUAN GERAK - BARU DAN PEMBAHARUAN

Senarai Dokumen

Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut:

7.2.1 Lukisan Reka Bentuk

7.2.1.1 Lukisan kejuruteraan (*standard/generic/master*) daripada pihak pengilang bagi model loji yang dipohon;

7.2.1.2 Menyatakan dengan jelas model, standard yang diiktiraf dan maklumat pihak pengilang eskalator dan laluan gerak;

7.2.1.3 Mengandungi maklumat spesifikasi eskalator dan laluan gerak.

7.2.2 Pengiraan Reka Bentuk

7.2.2.1 Dokumen mengandungi pengiraan lengkap (*Model Design Calculation / Product Model Design Calculation Book* atau lain-lain) berdasarkan edisi terkini standard yang diiktiraf.

7.2.2.2 Pengiraan reka bentuk loji yang mengandungi pengiraan lengkap seperti dan tidak terhad kepada, *static stress analysis of supporting structure, stopping distance* dan *sufficient breakage resistance of the parts directly driving the steps, pallets or the belts*.

7.2.3 Sijil Dan Laporan Ujian Komponen Eskalator Dan Laluan Gerak

7.2.3.1 Sijil dan Laporan Ujian komponen atau yang setara yang perlu dikemukakan sekurang-kurangnya:

- i. Step Chain
- ii. Comb Support Plate
- iii. Floor Plate
- iv. Roller.
- v. Controller/ Control panel

vi. Sistem elektronik

vii. Driving Unit

7.2.4 Sijil Dan Laporan Ujian Sistem Eskalator Dan Laluan Gerak Yang Ditentusahkan Oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa.

7.2.4.1 Sijil dan laporan ujian sistem atau Eskalator Dan Laluan Gerak yang ditentusahkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa seperti yang disenaraikan dalam **Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;**

7.2.4.2 Senarai kriteria yang perlu terkandung dalam sijil dan laporan ujian sistem Eskalator Dan Laluan Gerak adalah sekurang-kurangnya seperti di **Lampiran 3**.

7.2.4.3 Sekiranya sijil dan laporan ujian sistem Eskalator Dan Laluan Gerak tidak lengkap seperti maklumat pada **Lampiran 3**, pemohon mengemukakan dokumen seperti di **Lampiran 3** yang dikeluarkan oleh pengilang.

7.2.5 Lain-Lain Dokumen

7.2.5.1 Surat permohonan seperti yang dinyatakan pada perkara 7 panduan ini; dan

7.2.5.2 Lain-lain dokumen yang berkaitan.

7.3 KATEGORI PERMOHONAN: KEMASKINI VERIFIKASI REKA BENTUK LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK

Permohonan kemaskini Verifikasi Reka bentuk Lif dan Eskalator Dan Laluan Gerak merujuk kepada perkara berikut;

Syarat umum

- a) Sijil dan Laporan Ujian Sistem Lif atau Eskalator Dan Laluan Gerak masih dalam tempoh sah laku;
- b) Surat kelulusan verifikasi reka bentuk masih dalam tempoh sah laku.

Syarat khusus

- c) Perubahan Perincian Jadual Spesifikasi (*Scope of Application/Main Characteristic*) di dalam julat kelulusan terdahulu ;
- d) Ralat pada Sijil dan Laporan Ujian Sistem Lif atau Eskalator Dan Laluan Gerak seperti nama pembuat, alamat dan sebagainya; dan
- e) Penukaran/penggantian komponen keselamatan yang telah ditamatkan pembuatannya.

Senarai Dokumen

Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut:

7.3.1 Lukisan Reka Bentuk

- 7.3.1.1 Lukisan kejuruteraan (*standard/generic/master*) daripada pihak pengilang bagi model loji yang dipohon;
- 7.3.1.2 Menyatakan dengan jelas model, standard yang diiktiraf dan maklumat pihak pengilang lif, eskalator dan laluan gerak;
- 7.3.1.3 Mengandungi maklumat spesifikasi lif, eskalator dan laluan gerak.

7.3.2 Perubahan Perincian Jadual Spesifikasi (*Scope of Application/Main Characteristic*)

7.3.2.1 Dokumen yang menunjukkan perbandingan perubahan yang terlibat serta penjelasan dari pembuat lif atau eskalator dan laluan gerak dan ditandatangani/disahkan oleh orang yang berkuasa (*authorized personnel* seperti *Quality Manager* atau *Design Manager*) dengan jelas.

7.3.3 Ralat Pada Sijil Dan Laporan Ujian Sistem Lif Atau Eskalator Dan Laluan Gerak Seperti Nama Pembuat, Alamat, Perincian Jadual Spesifikasi Dan Sebagainya

7.3.3.1 Sijil dan Laporan Ujian Sistem yang telah dipinda dan ditentusahkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa masing-masing bagi lif atau eskalator dan laluan gerak;

7.3.3.2 Dokumen yang menjelaskan pembetulan dari pembuat lif atau eskalator dan laluan gerak dan ditandatangani/disahkan oleh orang yang berkuasa (*authorized personnel* seperti *Quality Manager* atau *Design Manager*) dengan jelas.

7.3.4 Penukaran/Penggantian Komponen Keselamatan Yang Telah Ditamatkan Pembuatannya

7.3.4.1 Dokumen yang menjelaskan penggantian/penukaran dari pembuat lif atau eskalator dan laluan gerak dan ditandatangani/disahkan oleh orang yang berkuasa (*authorized personnel* seperti *Quality Manager* atau *Design Manager*) dengan jelas;

7.3.4.2 Sijil dan Laporan Ujian Sistem yang telah dipinda dan ditentusahkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa masing-masing bagi lif atau eskalator dan laluan gerak;

7.3.4.3 Sijil dan Laporan Ujian komponen keselamatan yang dikeluarkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa masing-masing bagi komponen yang terlibat.

8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan dan membatalkan kelulusan verifikasi jika didapati:

- i. Tidak memenuhi atau melanggar mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berdasarkan Seksyen 27C.(3), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 seperti yang telah dinyatakan di dalam surat verifikasi; atau
- ii. Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- iii. Telah melanggar mana-mana syarat syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa

9.0 FI

Bayaran yang dikenakan mengikut kategori dan jenis loji. Sila rujuk Jadual Keenam, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Permohonan yang dikemukakan berserta dokumen yang lengkap akan diproses dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

Unit Lif

Seksyen Kelulusan Reka Bentuk

Bahagian Keselamatan Industri

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Tarikh kemaskini: 25 Julai 2025

Lampiran 1 – Senarai Maklumat Pengiraan Reka bentuk

(A) Maklumat am yang perlu ada dalam dokumen pengiraan reka bentuk:

- 1) Standard yang diiktiraf;
- 2) Model;
- 3) Maklumat pembuat/pengilang;

(B) Senarai skop pengiraan reka bentuk mengandungi maklumat tidak terhad kepada perkara berikut:

- 1) *Main parameters;*
- 2) *Calculation of traction capacity;*
- 3) *Calculation of the safety of traction ropes;*
- 4) *Calculation of the car guides;*
- 5) *Calculation of the safety gear;*
- 6) *Calculation of speed governor;*
- 7) *Calculation of the overspeed governor rope*

Lampiran 2 – Kriteria Sijil dan Laporan Ujian Sistem Lif

(A) Maklumat dan kriteria yang perlu terkandung dalam Sijil Ujian Sistem Lif:

1. Nombor Sijil;
2. Nama Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa ;
3. Nama dan alamat lengkap pembuat/pengilang jentera;
4. Edisi terkini standard yang diiktiraf;
5. Jenis loji (Lif Penumpang/Barang/Eskalator/dll);
6. Model;
7. Tarikh sijil dikeluarkan; dan
8. Tarikh tamat tempoh sahlaku sijil sekiranya ada.

(B) Maklumat dan kriteria yang perlu terkandung dalam Laporan Ujian Sistem Lif:

1. Perincian spesifikasi teknikal (*scope of application*) yang mengandungi namun tidak terhad kepada perkara berikut;
 - a) Beban kontrak, bilangan penumpang dan keluasan kar;
 - b) Kelajuan kontrak;
 - c) *Maximum travelling height*;
 - d) *Maximum stops*;
 - e) *Machine room position*;
 - f) *Machine/Motor Type*;
 - g) *Controller/control type/control system*;
 - h) *Suspension type*;
 - i) *Diameter of suspension rope*;
 - j) *Maximum and minimum car weight*;
 - k) *Type of guide rail of car and counterweight*; dan
 - l) Senarai komponen keselamatan lengkap berserta maklumat model, pembuat dan nombor sijil ujian yang dikeluarkan oleh Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa.

Lampiran 3 – Kriteria Sijil dan Laporan Ujian Sistem Eskalator Dan Laluan Gerak

Maklumat dan kriteria yang perlu terkandung dalam Sijil Ujian Sistem Eskalator Dan Laluan Gerak:

1. Nombor Sijil;
2. Nama Badan Pemeriksaan Yang Diberi Kuasa;
3. Nama dan alamat lengkap pembuat/pengilang loji;
4. Standard yang diiktiraf;
5. Jenis Loji (Eskalator Dan Laluan Gerak);
6. Model;
7. Tarikh sijil dikeluarkan; dan
8. Tarikh tamat tempoh sahlaku sijil sekiranya ada.

Maklumat dan kriteria yang perlu terkandung dalam Laporan Ujian Sistem Eskalator Dan Laluan Gerak:

Perincian spesifikasi teknikal (*scope of application*) yang mengandungi namun tidak terhad kepada perkara berikut;

- a) Standard yang diiktiraf
- b) Nama model Eskalator Dan Laluan Gerak;
- c) Kapasiti;
- d) Kelajuan;
- e) Sudut kecondongan (*angle of inclination*);
- f) Ketinggian (*rise*);
- g) *Pallet/step dimension*;
- h) Kuasa motor; dan
- i) *Controller/control type/control*